

TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT WISE HONG LEONG BANK (English Version)

Dikemas Kini 5 Ogos 2026

Terma dan Syarat (“**T&S**”) Kad Kredit WISE Hong Leong Bank (“**Kad WISE**”) hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan dengan Kad WISE. Dengan menerima Kad WISE, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian.

1. Program Pulangan Tunai (“Program”)

- (a) Pemegang Kad Utama WISE (“**Pemegang Kad**”) akan menerima pulangan tunai sehingga 15% (“**Pulangan Tunai**”), tertakluk pada yang berikut:
- (i) perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi Transaksi Runcit Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3(a) di sini) pada setiap bulan kalendar di mana perbelanjaan minimum dikira selepas mengambil kira semua pembalikan (jika ada);
 - (ii) perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi Transaksi Runcit Layak yang dicatatkan pada bulan kalendar yang sama; dan
 - (iii) Transaksi Runcit Layak tersebut termasuk dalam kategori yang dibenarkan (iaitu Kategori Perbelanjaan dan Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi yang Layak seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 di bawah; atau syarat-syarat lain yang mungkin dimaklumkan oleh HLB dari semasa ke semasa, dengan notis terlebih dahulu.
- (b) Pulangan Tunai yang diperoleh adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Perbelanjaan Minimum / bulanan (Transaksi yang dicatatkan)	Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hari Minggu	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hujung Minggu	Pulangan Tunai Maksimum setiap bulan
RM1,000	Jamu Selera	MCC: 5811/5812/5814 – Semua kedai makan	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 15% Pulangan Tunai	RM20
	Barangan Keperluan & Runcit	- MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk <i>Giant</i>, <i>Cold Storage</i>, <i>Jaya Grocer</i>, <i>Mercato</i>, dan lain-lain. - MCC: 5912 – Semua kedai ubat dan farmasi termasuk <i>Guardian</i>,	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 10% Pulangan Tunai	RM15

Perbelanjaan Minimum / bulanan (Transaksi yang dicatatkan)	Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hari Minggu	Transaksi Runcit Layak dibuat pada Hujung Minggu	Pulangan Tunai Maksimum setiap bulan
		<i>Watsons, Caring Pharmacy</i> dan lain-lain • Kedai Serbaneka yang terpilih – <i>MyNews</i> dan <i>7-Eleven</i>			
	Petrol	• MCC: 5542 – Dispenser Bahan Bakar Automatik (layan diri) di semua stesen minyak	Nikmati 0.5% Pulangan Tunai	Nikmati 10% Pulangan Tunai	RM15
	Perbelanjaan Dalam Talian	• <i>Lazada</i> • <i>Shopee</i> • <i>Grab</i> • <i>Foodpanda</i> • <i>Touch 'n Go</i> • <i>MYEG</i> • <i>Spotify</i> • <i>Neflix</i> • <i>Apple Music</i> Nota: Termasuk tambah nilai <i>e-Wallet</i> dan servis penghantaran makanan untuk peniaga yang disenaraikan di atas sahaja	Nikmati 1% Pulangan Tunai		RM15
	Lain-lain (termasuk transaksi luar negara)	• Semua Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak Lain	Nikmati 0.20% Pulangan Tunai		Tiada Had
Bawah RM1,000	Semua	• Semua Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Nikmati 0.20% Pulangan Tunai		RM2

(c) Kelayakan Pulangan Tunai dikira berdasarkan transaksi yang dicatatkan pada setiap bulan kalendar. Pemegang Kad yang tidak memenuhi perbelanjaan minimum bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1(a)(i) dan (ii) di atas atau sekiranya jumlah yang dicatatkan adalah bawah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pada bulan kalendar tersebut, Pemegang Kad tersebut tidak akan layak

menerima Pulangan Tunai sehingga 1% (Hari Minggu) atau 15% (Hujung Minggu) dalam bulan tersebut seperti dalam Jadual 1. Namun, Pemegang Kad tersebut masih layak menerima 0.20% Pulangan Tunai bagi semua Transaksi Runcit Layak (iaitu bawah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) dalam bulan tersebut dengan syarat jumlah Pulangan Tunai terkumpul tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu (RM1).

Ilustrasi Pulangan Tunai di bawah Program telah disediakan di bawah dalam Jadual 2:

Pemegang Kad telah membuat transaksi-transaksi berikut dengan Kad WISE pada Julai 2024:

Jadual 2

Jenis Transaksi	Amaun	Tarikh Transaksi	Hari Transaksi	Tarikh Tercatat	Hari Tercatat
JomPAY	RM400	1-Jul-24	Isnin	2-Jul-24	Selasa
Barangan Keperluan & Runcit	RM150	13-Jul-24	Sabtu	14-Jul-24	Ahad
Perbelanjaan Dalam Talian	RM1,520	11-Jul-24	Khamis	12-Jul-24	Jumaat
Jamu Selera	RM135	13-Jul-24	Sabtu	14-Jul-24	Ahad
<i>Quick Cash</i>	RM500	24-Jul-24	Rabu	25-Jul-24	Khamis
Petrol	RM150	13-Jul-24	Sabtu	14-Jul-24	Ahad
Petrol	RM100	31-Jul-24	Rabu	1-Aug-24	Khamis
Lain-lain	RM20	23-Jul-24	Selasa	24-Jul-24	Rabu
Perbelanjaan Dalam Talian (Pembalikan)	RM(20)	20-Jul-24	Sabtu	21-Jul-24	Ahad

S: Adakah Pemegang Kad memenuhi perbelanjaan minimum RM1,000?

J: Ya, jumlah keseluruhan transaksi yang dicatatkan untuk Julai 2024 yang dikira sebagai perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) ialah Ringgit Malaysia Dua Ribu Tiga Ratus Lima Puluh Lima (RM2,355) (terdiri daripada Ringgit Malaysia Empat Ratus (RM400) daripada JomPAY, Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) daripada Barangan Keperluan & Runcit, Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500) daripada Perbelanjaan Dalam Talian (selepas pembalikan RM20), Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Lima (RM135) daripada Jamu Selera, Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) daripada Petrol dan Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) daripada Lain-lain).

Amaun Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) daripada transaksi *Quick Cash* tidak akan dianggap sebahagian daripada perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) kerana ia bukan Transaksi Runcit Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 3(a) di bawah).

Amaun Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) daripada transaksi Petrol tidak akan dianggap sebahagian daripada perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi penyata Julai 2024 kerana ia hanya dicatatkan pada Ogos 2024.

S: Berapakah Pulangan Tunai yang diperoleh Pemegang Kad untuk transaksi JomPAY yang dilakukan pada 1 Julai 2024?

J: Ringgit Malaysia Sifar (RM0) kerana transaksi JomPAY tidak layak untuk Pulangan Tunai. Sila rujuk Fasal 3(a).

S: Berapakah Pulangan Tunai yang diperoleh Pemegang Kad pada bulan Julai untuk transaksi Petrol pada 31 Ogos 2024?

J: Transaksi Petrol sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) tidak akan dianggap sebahagian daripada Pulangan Tunai untuk Julai 2024 (iaitu Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Sifar (RM0)) kerana ia hanya dicatatkan pada Ogos 2024. Namun, transaksi Petrol sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) akan dianggap sebahagian daripada Pulangan Tunai untuk Ogos 2024 (Pulangan Tunai sehingga 15% jika Pemegang Kad memenuhi syarat perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) pada bulan Ogos atau 0.20% Pulangan Tunai sekiranya perbelanjaan minimum bawah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)).

S: Berapakah jumlah Pulangan Tunai yang diperoleh Pemegang Kad bagi bulan Julai 2024?

J: Ringgit Malaysia Enam Puluh Lima (RM65). Sila rujuk Jadual 3 di bawah untuk ilustrasi pengiraan Pulangan Tunai bagi bulan Julai 2024.

Jadual 3

Jenis Transaksi	Amaun Transaksi (RM)	Tarikh Transaksi	Kadar Pulangan Tunai (%)	Pulangan Tunai (RM)	Pulangan Tunai Dihadkan (RM)
Jamu Selera	135	13-Jul (Hujung Minggu)	15%	20	20
Barangan Keperluan & Runcit	150	13-Jul (Hujung Minggu)	10%	15	15
Petrol	150	13-Jul (Hujung Minggu)	10%	15	15
Perbelanjaan Dalam Talian	1,500	11-Jul	1%	15	15
Lain-lain	20	23-Jul	0.20%	0.04	Tiada Had
Jumlah Pulangan Tunai (RM)	65 Nota: Pulangan Tunai yang diberikan akan dibundarkan (ke atas atau ke bawah) kepada Ringgit Malaysia ("RM") yang terdekat.				

2. Kelayakan & Penyertaan

(a) Untuk menyertai Program ini:

- (i) Pemegang akaun Kad WISE mestilah sah dan berstatus baik, tidak mempunyai tunggakan pembayaran dan tidak ditutup atau ditamatkan oleh Pemegang Kad atau HLB;
- (ii) Pemegang Kad mestilah tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat Perjanjian; dan
- (iii) Kelayakan Pemegang Kad akan dibatalkan jika mana-mana peristiwa berikut berlaku:
 - a) Pemegang Kad yang telah melakukan, atau HLB mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai Pemegang Kad telah melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB; atau
 - b) Pemegang Kad telah diisytiharkan mufis (menurut petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum, semasa, atau selepas penyertaan dalam program ini.

3. Terma dan Syarat Program

- (a) Istilah “**Transaksi Runcit Layak**” merujuk kepada sebarang transaksi pembelian runcit yang dilakukan di dalam dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian yang dicajkan kepada Kad WISE (hanya terpakai untuk Kad WISE Utama). Senarai ini tidak lengkap tetapi akan MENGEQUALIKAN:
- (i) transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki;
 - (ii) transaksi *Quick Cash*;
 - (iii) fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, fi tahunan, faedah dan/atau caj kewangan, transaksi dipertikaikan, caj kerajaan seperti cukai dan apa-apa jenis caj dan penalti;
 - (iv) transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Pembayaran Flexi;
 - (v) pindahan dana (daripada atau kepada akaun HLB sama ada oleh HLB atau pihak ketiga);
 - (vi) Transaksi yang dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad Utama;
 - (vii) Transaksi *QR Pay* melalui *HLB Connect App*; dan/atau
 - (viii) *DuitNow AutoDebit*

Transaksi yang bukan merupakan Transaksi Runcit Layak tidak akan layak menerima sebarang Pulangan Tunai dan amaun perbelanjaan daripada transaksi-transaksi ini tidak akan menyumbang atau menjadi sebahagian perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap bulan calendar atau sebarang perbelanjaan di bawah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) untuk setiap bulan kalender.

Bagi semua transaksi berkaitan kerajaan, JomPAY dan/atau transaksi *FPX*, amaun perbelanjaan daripada transaksi-transaksi ini akan menyumbang dan menjadi sebahagian daripada perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap bulan kalender. Namun, transaksi-transaksi ini tidak akan layak menerima sebarang Pulangan Tunai.

- (b) Istilah “**HLB Connect App**” bermaksud Aplikasi Perbankan Mudah Alih *Hong Leong Connect*.
- (c) Istilah “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui *HLB Connect App* menggunakan fungsi *HLB QR Pay*.
- (d) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap bulan kalender berdasarkan kadar seperti yang tertera dalam Jadual 1 di atas dan tidak kumulatif dari bulan sebelumnya. Bagi mengelakkan keraguan, Hari Minggu bermaksud Isnin hingga Jumaat dan Hujung Minggu bermaksud Sabtu dan Ahad.
- (e) Pulangan Tunai yang diberikan akan dibundarkan (ke atas atau ke bawah) kepada kiraan Ringgit Malaysia (“**RM**”) yang terdekat. Kredit Pulangan Tunai akan digunakan untuk membayar sebarang baki tertunggak pada akaun Kad WISE. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad akan dikreditkan ke dalam akaun Kad WISE pada bulan berikutnya dan dipaparkan dalam penyata Pemegang Kad. Sekiranya Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad jatuh pada atau selepas tarikh penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam penyata Pemegang Kad pada bulan berikutnya.

- (f) Pulangan Tunai diberikan kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah keseluruhan Transaksi Runcit Layak dalam RM yang dicajkan kepada Kad WISE. Semua transaksi luar negara dan transaksi yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada RM pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB mengikut budi bicaranya yang mutlak.
- (g) HLB akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan pencatatan Transaksi Runcit Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperoleh semasa Program adalah tepat pada masanya.
- (h) HLB berhak dari semasa ke semasa, dengan memberi notis awal, meminda kadar Pulangan Tunai yang diberikan.
- (i) Penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga untuk setiap peniaga ditentukan oleh bank pemerolehan masing-masing. HLB tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga yang salah atau berbeza oleh bank yang memperoleh.

Kecuali kerosakan yang timbul secara langsung daripada keingkaran HLB yang disengajakan, kecuaiian melampau, HLB tidak akan bertanggungjawab jika penyerahan hak yang salah atau berbeza tersebut mengakibatkan: (i) transaksi yang tidak dikategorikan sebagai Transaksi Runcit Layak; dan/atau (ii) tidak menghantar Pulangan Tunai untuk Transaksi Runcit Layak di peniaga yang layak. Dalam keadaan sedemikian, jalan keluar Pemegang Kad hendaklah ditujukan kepada bank pemerolehan masing-masing yang bertanggungjawab untuk penyerahan hak.

- (j) HLB boleh, mengikut budi bicaranya, dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad, mengubah, menyemak, atau meminda mana-mana T&S di sini.
- (k) Amaun perbelanjaan minimum Pemegang Kad akan menentukan kadar kelayakan Pulangan Tunai Pemegang Kad berdasarkan Jadual 1 di atas. Jika Pulangan Tunai diberikan bagi mana-mana Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibalikkan, maka pembalikan itu akan menyebabkan Pulangan Tunai bersamaan turut dibalikkan tanpa mengira tarikh pencatatan transaksi asal. Sebarang transaksi dibalikkan dan/atau transaksi yang dibatalkan akan dikecualikan daripada menerima Pulangan Tunai.

4. **Fi Tahunan**

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

Pemegang Kad Utama*	RM98
Pemegang Kad Tambahan*	RM48

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan

Fi tahunan tidak akan dikecualikan untuk Kad WISE.

5. **Variasi Ciri-Ciri Produk**

HLB mungkin akan meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri-ciri produk bagi Kad WISE atau menarik balik Kad WISE apabila diperlukan dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad. Selanjutnya, HLB boleh mengikut budi bicaranya dengan menghantar surat terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan melalui media massa atau memaparkan notis

di ruang perbankan HLB atau di laman web HLB di www.hlb.com.my atau mana-mana kaedah yang dianggap praktikal oleh HLB untuk penambahan, pengubahsuaian, atau pindaan ciri-ciri produk tersebut.

6. Tafsiran:

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar akan mempunyai pengertian sama seperti ditakrif dalam Perjanjian dan Terma dan Syarat Kad melainkan ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.